

"MAJLIS BERSAMA HEPA 2012 MERIAH"

Disediakan oleh: Norhana Bte Nordin

Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS telah menjayakan Majlis Bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni pada 21 March 2012 (Rabu). Program ini merupakan salah satu kaedah untuk menilai kembali prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan yang telah diberikan kepada pelajar UMS. Mahasiswa dapat menuntut ilmu dengan suasana yang kondusif dan selesa serta kebajikan mereka terjaga.

Dalam pelaksanaan Good Governance , tata kelola yang baik dan terancang juga menekankan aspek menjaga kepentingan pelanggan dan juga organisasi demi mencapai satu matlamat bersama. Inilah yang akan menjamin kualiti dan prestasi pekerja yang berada dalam organisasi untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik buat pelanggan mereka.

Majlis bersama HEPA ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, YBhg Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj. Ampon. Beliau berharap semoga majlis ini dapat meningkatkan prestasi kerja warga UMS keseluruhannya demi membangun potensi dan sahsiah mahasiswa agar mereka menjadi warganegara yang baik serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor HEPA, YBhg ACP (K/S) Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md Mansur berkata HEPA telah membina satu sistem e-mesra yang membolehkan mahasiswa mendapatkan kaunseling menerusi capaian internet. "Mahasiswa kini boleh bergiat aktif dengan mengikuti pelbagai program Jabatan Hal Ehwal pelajar dan Alumni (JHEPA) disamping mendapat MySDP bagi mahasiswa yang aktif di kampus," katanya.

Antara pengisian program pada majlis tersebut adalah seperti Pameran dari HEPA sendiri, juga kaunter dari Agensi Kerajaan, Swasta, dan NGO. Selain itu, Kempen Derma Darah, Kempen Tak Nak Merokok dan Kempen UMS Kampus Ceria serta gerai juga ada bagi memeriahkan lagi majlis tersebut.

